

**ANALISIS KESALAHAN SKRIP MAIN PERANAN (ROLE PLAY):
PENTERJEMAHAN TEKS BAHASA MELAYU KE BAHASA ARAB
MELALUI APLIKASI *GOOGLE TRANSLATE***

Anuar Sopian, Nur Asyikeen Kamarudin,
Fazlinda Hamzah, Mohd Azlan Shah Sharifudin

Universiti Teknologi MARA

Correspondent email: asyikeen@uitm.edu.my

ABSTRAK

Dewasa ini penterjemahan satu bahasa kepada bahasa yang lain bukan hanya melibatkan manusia sahaja tetapi ia juga dapat dilakukan melalui aplikasi-aplikasi penterjemahan yang boleh didapati di dalam internet. Pada mulanya kemampuan aplikasi-aplikasi ini adalah menterjemahkan satu-satu perkataan namun sejak akhir-akhir ini ada aplikasi yang kelihatannya dapat menterjemahkan bukan sahaja perkataan bahkan dapat menterjemahkan frasa ayat lengkap dan buku. Antara aplikasi yang sering digunakan dan mendapat sambutan yang menggalakkan ialah aplikasi *Google Translate* yang di dalamnya terdapat penterjemahan dari bahasa Melayu ke bahasa Arab dan sebaliknya. Namun begitu sejauh manakah ketepatan hasil terjemahan *Google Translate*, apakah ianya sesuai digunakan untuk menterjemahkan teks-teks bahasa Melayu yang akan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui ketepatan *Google Translate* dalam proses menterjemahkan teks bahasa Melayu ke bahasa Arab dan menerangkan kesalahan-kesalahan yang didapati melalui skrip main peranan (*role play*) yang disediakan pelajar UiTM Cawangan Melaka sebagai sebahagian dari ujian berterusan sepanjang semester. Kajian ini diharapkan mampu memberikan manfaat kepada para pengkaji bahasa Arab agar meminimumkan penggunaan *Google Translate* serta memperhalusi hasil penterjemahan terutama dalam perkara yang berkaitan kosa kata dan struktur ayat.

Kata kunci: Analisis, Penterjemahan, Teks Bahasa Arab dan Aplikasi

PENGENALAN

Penterjemahan ialah perbuatan mentafsir makna sesuatu teks dan menerbitnya semula dalam bahasa yang lain. Penterjemahan merupakan satu aktiviti yang penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kerana ia membolehkan masyarakat menikmati ilmu pengetahuan daripada budaya asing.

Menurut Maheram (2008), terjemahan adalah proses pemindahan suatu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Ia melibatkan proses pemindahan mesej yang terdapat dalam teks bahasa

asal kepada bahasa yang ingin diterjemah dengan menggunakan padanan semantik dan statistik yang paling hampir. Manakala Nida (1964) pula menganggap penterjemahan ialah proses menghasilkan semula padanan yang paling hampir dengan mesej bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dari segi makna dan gaya. Dalam proses terjemahan, Nida dan Taber (1982) dalam buku *The Theory and Practice of Translation* menyatakan seorang penterjemah perlu mencari padanan yang tepat dan paling hampir dengan teks asal dari segi semantik bagi mendapatkan maksud sebenar daripada dua bahasa yang berlainan. Penguasaan dwibahasa yang mantap diperlukan oleh penterjemah agar mesej dan idea yang terkandung dalam teks sumber disampaikan dengan baik kepada pembaca teks sasaran.

Biasanya, proses terjemahan dilakukan oleh manusia, tetapi selaras dengan perkembangan teknologi, penterjemahan sudah boleh dibantu dengan berbantuan mesin (*machine translation*) di jaringan sesawang yang digunakan secara meluas. Teknologi terjemahan berbantuan komputer ini berfungsi dengan canggih yang mampu melakukan terjemahan secara automatik dan cepat berbanding kaedah terjemahan secara manual (Imran, 2003). Justeru, aktiviti terjemahan yang dilakukan menggunakan mesin terjemahan tidak lagi perlu merujuk kepada kamus am, kamus istilah, tesaurus dan sebagainya.

Namun begitu Iman (2010) menyatakan bahawa penterjemahan menggunakan mesin sehingga kini masih lagi berhadapan dengan berbagai kelemahan, hasil dari proses penterjemahan oleh *Google Translate* masih mengandungi keterbatasan dan belum memberikan hasil terjemahan yang tepat. Ini kerana kualiti hasil penterjemahan dari satu bahasa ke bahasa lain tidak selalunya sama.

Hal yang sama juga melalui kajian Novia (2012) yang berpendapat bahawa ketepatan perkhidmatan terjemahan *Google Translate* masih banyak terdapat kekeliruan dalam aspek tatabahasa, pilihan kata-kata dan ejaan.

Oleh itu, penulis berminat untuk menganalisis sejumlah tugas skrip main peranan (*role play*) bahasa Arab bagi pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab TAC101 dan TAC151 UiTM Cawangan Melaka, hal ini disebabkan kerana kebanyakan mereka tidak memperhatikan aturan tatabahasa Arab kerana mereka menggunakan mesin (*machine translation*) di jaringan sesawang yang antaranya ialah perkhidmatan *Google Translate* dalam proses menerjemahkan teks bahasa Melayu kepada bahasa Arab.

TINJAUAN LITERATUR

Dengan kemajuan dan kecanggihan teknologi pada masa ini, bidang terjemahan telah memanfaatkan kebaikan dan kemudahan teknologi untuk menjadikan bidang ini seiring dengan arus globalisasi yang memerlukan akses kepada informasi secara cepat dan efektif. Penterjemah tidak lagi hanya bergantung kepada koleksi rujukan dan kamus bercetak, tetapi menggunakan bantuan peralatan elektronik yang mampu menjadikan aktiviti terjemahan cepat dan mudah. Pada abad ke-21 ini secara mutlak semua penterjemah menggunakan kemudahan jaringan internet, komputer dan alat-alat elektronik lain untuk membantu kerja terjemahan mereka (Khadijah & Maheram, 2013).

Hasil terjemahan *Google Translate* masih perlu kepada semakan semula. Antara masalah *Google Translate* ini terletak pada nilai tatabahasa atau nahu terjemahan, justeru terjemahan yang dihasilkan lazimnya tidak berkualiti dari sudut tatabahasa (Mohd Khairulnuar, 2009). Aspek lain yang perlu juga diberi perhatian ialah aspek ketepatan makna dan semantik (Nur Naimah Akmar & Harun, 2016). Hasil terjemahan *Google Translate* pasti perlu kepada proses pemurnian dan pengeditan semula. Tidak dinafikan *Google Translate* mempunyai keupayaan dalam menterjemah teks, namun kemahiran penterjemah manusia atau penyunting terjemahan tetap diperlukan untuk menjadikan hasil terjemahan lebih baik dan sempurna. Hal ini demikian kerana manusia menghasilkan terjemahan berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman, manakala hasil *Google Translate* terbatas kepada korpus dan bank perkataan yang ada (Khadijah & Maheram, 2013; Nur Faezah & Hasnah, 2015).

Kajian Radiah & Wan Rose Eliza (2007) yang bertajuk “Analisis padanan makna dalam terjemahan berbantuan komputer” telah dibentangkan dalam persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11, 2007 memperlihatkan kepada kita kemampuan pemindahan teks sumber ke dalam teks sasaran dengan menggunakan penterjemahan berbantuan komputer. Skop kajian dihadkan kepada penterjemahan makna denotasi frasa nama mudah am dan khas sahaja dan ianya merupakan titik perbezaan dengan kajian pengkaji. Melalui kajian ini, ada beberapa kesimpulan yang dapat dibuat. Pertama, pengkaji mengakui terpaksa melakukan pembaikan yang agak banyak dan merenyahkan kepada teks sasaran agar menepati keperluan mesej yang hendak disampaikan oleh teks sumber dan menepati keperluan budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran. Kedua, perisian penterjemahan berbantuan komputer perlu ada satu korpus dwibahasa berjajaran yang jauh lebih besar dari yang ada sekarang ini dan ianya perlu sentiasa selaras dengan perkembangan mutakhir. Ketiga, perlunya satu mekanisme statistik yang boleh digunakan untuk mengira peluang mencari padanan yang hampir tepat dengan konteks dalam masa yang singkat, terutamanya untuk frasa yang mempunyai pelbagai makna.

Satu kajian semantik juga telah dijalankan oleh Mohamad Nor Amin dan Naimah (2011) yang bertajuk “Kesilapan terjemahan Bahasa Arab-Bahasa Melayu dalam ejen carian Google: Satu kajian semantik” telah dibentangkan di dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa 2011. Kajian ini memfokuskan kepada terjemahan Bahasa Arab-Bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk

1. Mengenalpasti ketepatan aplikasi *Google Translate* dalam menterjemahkan bahasa Melayu ke bahasa Arab skrip main peranan (*role play*) bahasa Arab pelajar dan sejauh mana para pelajar dapat memurnikan hasil terjemahan melalui aplikasi *Google Translate* ini.
2. Mengenalpasti jenis-jenis kesalahan yang dilakukan para pelajar ketika menyediakan skrip main peranan (*role play*) sebagai salah satu dari ujian berterusan yang perlu disiapkan oleh para pelajar yang mengambil bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif yang menjurus kepada analisis kandungan teks daripada tugas yang diberikan kepada 15 kumpulan pelajar program Diploma Fakulti Pengurusan Pelancongan dan Fakulti Pengurusan Perniagaan yang mengikuti kursus Bahasa Arab sebagai bahasa ke tiga. Dalam kajian ini, Aplikasi *Google Translate* dijadikan medium untuk menterjemah tugas main peranan (*role play*) daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada penelitian terhadap kesemua hasil kerja para pelajar di dapati bahawa hasil terjemahan aplikasi *Google Translate* pelajar ke atas teks pilihan, terdapat beberapa bentuk frasa dan perkataan yang perlu kepada penambakan, pemurnian atau penyuntingan. Antara kriteria kesalah penterjemahan yang dapat ditemui ialah kesalahan berkaitan penggunaan kota kata dan struktur ayat.

1. Kesalahan kosa kata

Antara kesalahan penggunaan kosa kata ialah meninggalkan kosa kata yang sepatutnya digunakan dan menggunakan kosa kata yang tidak tepat. Analisis kesalahan tersebut dapat dilihat dalam jadual 1 dan 2 di bawah.

Jadual 1. Meninggalkan kosa kata

Bil.	Petikan Bahasa Melayu	Terjemahan Aplikasi <i>Google Translate</i>	Cadangan Pembetulan
1	Jom kita makan di sini	لنأكل هنا	هيا نأكل هنا

Jadual 2. Menggunakan kosa kata yang tidak tepat

Bil.	Petikan Bahasa Melayu	Terjemahan Aplikasi <i>Google Translate</i>	Cadangan Pembetulan
1	Silakan duduk	يرجى الموقع	تفضل بالجلوس / تفضلي بالجلوس
2	Sila perkenalkan diri awak	من فضلك قدم نفسك	من فضلك عرّف نفسك
3	Marilah kita duduk bersama	دعنا نجلس معا	هيا نجلس معا
4	Adakah awak orang Perlis	هل أنت منحرف	هل أنت فرليسي
5	Perpustakaan negara besar dan cantik	مكتبة بلد كبيرة وجميلة	المكتبة الوطنية كبيرة وجميلة
6	Bilakah perpustakaan negara dibina?	عندما تم بناء المكتبة الوطنية	متى تم بناء المكتبة الوطنية

2. Kesalahan struktur ayat

Antara bentuk-bentuk permasalahan struktur bahasa dalam penterjemahan aplikasi *Google Translate* yang dihadapi oleh pelajar dalam menterjemah teks Melayu ke bahasa Arab adalah:

Jadual 3: Penggunaan *mudhaf* dan *mudhaf ilaih*

Bil.	Petikan Bahasa Melayu	Terjemahan Aplikasi <i>Google Translate</i>	Cadangan Pembetulan
1	Kami di pasar malam	نحن في السوق الليل	نحن في سوق الليل

Jadual 4: Penggunaan *dhamir*

Bil.	Petikan Bahasa Melayu	Terjemahan Aplikasi <i>Google Translate</i>	Cadangan Pembetulan
1	Kami telah membelikan kamu semua nasi	اشترينا لك كل الأرز	اشترينا لكم الأرز
2	Mereka adalah pelajar-pelajar perempuan Universiti Teknologi MARA	هم طلاب جامعة مارا	هن طالبات جامعة مارا
3	Mereka adalah pelajar-pelajar perempuan yang rajin belajar	هم طالبات يعملن بجد	هن طالبات يدرسن بجد

Jadual 5: Penggunaan kata tunjuk (*al-Ism al-Ishārat*)

Bil.	Petikan Bahasa Melayu	Terjemahan Aplikasi <i>Google Translate</i>	Cadangan Pembetulan
1	Itu buku bahasa Arab	انه الكتاب العربي	ذلك الكتاب العربي
2	Itu buah-buahan tempatan	إنها فاكهة محلية	تلك فاكهة محلية
3	Itu buah-buahan import	إنها فاكهة مستوردة	تلك فاكهة مستوردة

Jadual 6: Penggunaan kata kerja

Bil.	Petikan Bahasa Melayu	Terjemahan Aplikasi <i>Google Translate</i>	Cadangan Pembetulan
1	Apa yang kamu buat wahai Zahara	ماذا تفعل يا زهرة	ماذا تفعلين يا زهرة
2	Kamu mahu beli apa wahai Izati?	ماذا تريد أن تشتري يا عزتي؟	ماذا تريد أن تشتري يا عزتي؟
3	Saya (f) lapar sangat	أنا جوعان جدا	أنا جوعانة جدا
4	Bersabarlah saudariku (f)	اصبر يا أختي	اصبري يا أختي
5	Tunggulah (f) sebentar	انتظر لحظة	انتظري لحظة

6	Lihatlah gambar ini wahai Zainab	انظر إلى هذه الصورة يا زينب	انظري إلى هذه الصورة يا زينب
7	Saya sedang membaca buku	كنت اقرأ كتابا	أقرأ الكتاب
8	Saya sedang membantu ibu di dapur	كنت أساعد أمي في المطبخ	أساعد أمي في المطبخ
9	Kamu sedang buat apa wahai Fatimah	ماذا تفعل يا فاطمة	ماذا تفعلين يا فاطمة
10	Saya sedang berehat di rumah	كنت أستريح في المنزل	أستريح في المنزل
11	Silakan wahai Fatimah	من فضلك فاطمة	تفضلني يا فاطمة

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Melakukan terjemahan menggunakan bantuan aplikasi terjemahan yang antaranya *Google Translate* sangat penting dalam bidang pembelajaran bahasa Arab khususnya bagi mereka yang tidak pernah mempelajari bahasa ini. Ia juga sangat berguna dalam membantu aktiviti terjemahan bahasa-bahasa lain di dunia. Namun begitu masih terdapat banyak kelemahan dalam aplikasi terjemahan ini terutamanya dalam aspek penggunaan kota kata dan struktur ayat.

Antara bentuk kesalahan aspek penggunaan kosa kata yang dapat dianalisis dari hasil kerja para pelajar ialah meninggalkan kosa kata yang sepatutnya ada dalam teks bahasa sumber tetapi setelah diterjemahkan kosa kata itu tiada dan menyebabkan ayat di dalam bahasa Arab itu sukar difahami kehendaknya. Begitu juga didapati penggunaan kosa kata yang tidak tepat setelah dilakukan penterjemahan yang menjadikan makna ayat tidak sesuai dengan kehendak teks bahasa Melayu yang diterjemahkan.

Selain itu antara bentuk kesalahan yang dapat dilihat ialah penggunaan struktur ayat yang salah dalam tata bahasa Arab yang antara lainnya dalam masalah *idhafah*, penggunaan kata ganti (*dhamir*) yang tidak membezakan antara *muzakkar* dan *muannath* selain itu penggunaan kata tunjuk *ism al isyarah* yang tidak sesuai yang sepatutnya juga membezakan penggunaan kata tunjuk *muzakkar* dan *muannath*. Kesalahan yang paling banyak ditemui ialah dalam aspek penggunaan kata kerja yang kebiasaannya diterjemahkan sama antara penggunaan untuk *muzakkar* dan untuk *muannath*.

Kesilapan juga banyak berlaku di dalam terjemahan *Google Translate*. Terdapat banyak perkataan yang tidak mampu diterjemah dengan tepat dan padanan yang diberikan tidak betul. Bahkan, perkara yang menyedihkan lagi apabila terjemahan tersebut menyimpang terus dari makna asal perkataan.

Namun begitu kewujudan aplikasi *Google Translate* tidak boleh diabaikan kerana penciptaan aplikasi ini adalah untuk memudahkan kerja-kerja manusia. Terjemahan yang sempurna hanya mampu dihasilkan melalui pengetahuan, kemahiran dan pengalaman. Fungsi *Google Translate* dilihat lebih sesuai dijadikan sebagai alat untuk membantu menterjemah seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Oleh hal yang demikian, kemahiran bahasa yang baik di dalam bahasa sumber serta bahasa sasaran adalah sangat diperlukan di dalam terjemahan menggunakan aplikasi terjemahan *Google Translate* ini. Bagi mereka yang tidak ada asas Bahasa Arab dan bergantung sepenuhnya dengan aplikasi seperti ini sama ada pelajar ataupun mereka yang tidak berpengetahuan asas dalam bahasa Arab akan menghadapi masalah ketika melakukan kerja-kerja terjemahan. Sudah pasti mereka akan menerima fakta yang tidak tepat dan menghasilkan terjemahan yang sukar difahami maknanya.

RUJUKAN

- Iman, S. (2010). *Analisis Kesalahan Kebahasaan Hasil Terjemahan Google Translate Teks Bahasa Indonesia ke dalam Bahasa Jerman*. Seminar Internasional Jurusan Pendidikan Bahasa Jerman.
- Imran, H. (2003). *Teknologi Terjemahan untuk Pendidikan dalam Era Globalisasi dan Ekonomi Berasaskan Ilmu*. Himpunan Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Khadijah, S. & Maheram A. (2013). Penterjemahan Frasa Al-Idafah Arab-Melayu Menggunakan Google Translate. *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, 35(2), 101–108.
- Maheram, A. (2008). *Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Mohd Khairulanuar, M. (2009). *Aplikasi Teknologi dalam Penterjemahan*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12, Kelestarian Bidang Penterjemahan.
- Mohamad Nor Amin, S.B. dan Naimah, A. (2011). *Kesilapan Terjemahan Bahasa Arab-Bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13, Globalisasi melalui Penterjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi.
- Nida, E.A. (1964). *Towards a Science of Translating*. Leiden: Brill.
- Nida, E. A. and Taber, C.R. (1982). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Novia, A. (2012). Kesalahan Penterjemahan Teks Bahasa Indonesia ke Bahasa Arab Melalui Google Translate (Studi Analisis Sintaksis). *Journal of Arabic Learning and Teaching LAA* 11.
- Nur Faezah, M.A. dan Hasnah, M. (2015). *Perbandingan Terjemahan Manusia dengan Terjemahan Mesin dalam Buku Fitness 24/7*. Dimuat turun daripada <https://www.semanticscholar.org/paper/Perbandingan-terjemahan-manusia-dengan-terjemahan-Ayob-Mohamad/accf451ca367e5ccf6e57090dcd69ccea41aa64>

Nur Naimah Akmar, K dan Harun, B. (2016). *Penggunaan Google Translate dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab*. Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam 2016. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Radiah, Y. dan Wan Rose Eliza, A.R. (2008). *Analisis Padanan Makna dalam Terjemahan Berbantuan Komputer*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11, Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu, halaman 134-146.